

SELASA, 25 MEI, 1982

HUBUNGAN KERJASAMA PENTING DITERUSKAN

NASIHAT Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang diberikannya kepada pemimpin-pemimpin MCA, Ahad lalu, itu seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya dari pemimpin semua parti dan kerajaan. Jika beliau menekankan pentingnya semangat kerjasama di antara kaum diperteguh dan diteruskan sebab-sebabnya adalah nyata. Sebagaimana yang ditegaskan oleh beliau sendiri, tanpa kerjasama yang rapat dan sokongan yang menyeluruh Barisan Nasional mungkin tidak mencapai kemenangan secemerlang yang telah didapatinya. Ini adalah suatu kenyataan fakta yang tidak mudah dinafikan. Kemenangan sebilangan besar calon-calon Barisan dalam pilihanraya itu ialah hasil dari sokongan yang menyeluruh dari semua kaum.

Tetapi tentulah semangat dan hubungan kerjasama ini tidak harus terhenti di peringkat pilihanraya dan kepimpinan politik sahaja. Kestabilan dan kemajuan yang telah kita capai sebagai

sebuah masyarakat selama ini tergantung bukan sedikit kepada kejayaan kita memperluas asas kerjasama di bidang-bidang penting termasuk politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Jadi secara langsung, dan tidak, penerusan kemajuan ini adalah juga tergantung kepada setakat mana asas dan semangat kerjasama yang telah tercipta ini dapat diperkuat dan diteruskan.

Bagaimanapun, perlu juga ditekankan bahawa jika kerjasama di antara parti itu penting, kerjasama intra-parti juga tidak kurang mustahaknya. Sebarang konflik dan pergeseran di antara golongan dalam parti bukan sahaja akan melemah semangat kerjasama dan organisasi kepimpinan parti itu sendiri malah ia juga berkemungkinan menjadikan penjalinan kerjasama antara parti jauh lebih sukar. Oleh yang demikian nyatalah keperluan untuk memperkukuh semangat kerjasama ini adalah sesuatu

yang menyeluruh dan yang berterusan.

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik dan kerajaan dalam mencorakkan kemajuan dan masa depan negara maka tentulah peranan mereka dalam hal ini amat kritis. Datuk Seri Dr. Mahathir menuntit supaya mereka sentiasa menggunakan pertimbangan yang rasional — bukan berasaskan emosi — dan dipandu oleh matlamat murni untuk memimpin negara ke arah kestabilan dan pembangunan. Dalam hal ini nasihat beliau supaya para pemimpin mempunyai suara dan pendirian sendiri itu patut difaham dan dihormati. Jika pemimpin hanya menyuarakan kehendak pengikut tanpa menapis dan mengambilkira implikasinya kepada kepentingan kestabilan dan kemajuan negara maka sebenarnya mereka bukan sahaja telah gagal memimpin malah ketulusan niat dan hasrat mereka juga mungkin boleh dipersoalkan.